

PERUBAHAN PENTADBIRAN DI TEREENGGANU  
ANTARA TAHUN 1909 HINGGA 1939 SATU TINJAUAN

OLEH: MOHD. IZAM BIN NGAH.

PENYELIA: DR. PAUL H. KRATOSKA.

LATIHAN ILMIAH INI DIAJUKAN BAGI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MENDAPATKAN  
IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN  
DALAM BIDANG SEJARAH  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PULAU PINANG

1982/83

Rajin berusaha, kuat Beribadat.

Khas buat ayah dan ibu, abang dan kakak  
serta keluarga yang ku kasihi.

Dari,

Mohd. Izam b. Ngah.

679 Kolam Air,

Pulau Musang,

Kuala Terengganu,

Terengganu.

15hb. Feb. 1983

## KANDUNGAN

SINOPSIS	:	:	:	:	i - iii
PRAKATA	:	:	:	:	iv
SENARAI KEPENDEKAN	:	:	:	:	vi
PENDAHULUAN	:	:	:	:	vii
BAB I					
LATARBELAKANG	:				I - II
BAB II					
KEADAAN TERENGGANU SEHINGGA TAHUN 1909					12
BAB III					
PROSES PERMULAAN KEMASUKAN INGGERIS DI TERENGGANU TAHUN 1910-1919			:		41
BAB IV					
PENGUKUHAN DAN PENEGUHAN KUASA INGGERIS DI TERENGGANU ANTARA TAHUN 1919-1939			:		60
BAB V					
PENUTUP	:	:	:	:	61
BIBLIOGRAFI	:	:	:	:	67
LAMPIRAN-LAMPIRAN					
A: PETA MENUNJUKKAN NEGERI TERENGGANU					75
B: SALASILAH SULTAN-SULTAN TERENGGANU					76
C: PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN TERENGGANU DENGAN BRITISH BERTARIKH 22hb. APRIL. 1910 (Salinan dari dokumen asal)					79

D: SALINAN SURAT PERJANJIAN BRITISH DENGAN SULTAN TERENGGANU BERKENAAN PENYERAHAN ORANG YANG LARI BERTARIKH 20hb.MEI.1912	: 80
E: PERATURAN ULANG BICARA GUAMAN DALAM MAHKAMAH JOINT COURT TERENGGANU TAHUN 1335H	: 81
F: TUGAS PESURUHJAYA JAJAHAN DAN PEMAMAI DAERAH:	83
G: SENARAI AGEN DAN PENASIHAT BRITISH YANG TELAH BERKHIDMAT DI TERENGGANU 1910-1940	: 84
H: PERATURAN MAHKAMAH APPEAL IAITU ULANG BICARA GUAMAN DI DALAM MAHKAMAH BESAR TERENGGANU (TAHUN 1338H)	: 85
I: UNDANG-UNDANG TERTIB MAHKAMAH TERENGGANU (TAHUN 1340H)	: 86
J: UNDANG-UNDANG BIL. I (1343H. (PINDAAN 1340H):	89
K: THE REGISTRATION OF DEEDS ENACTMENT TAHUN 1341H.	: 90
L: SURAT ISTIHAR KERAJAAN YANG DIKELUARKAN OLEH S/USAHA KERAJAAN TERENGGANU TAHUN 1335H.	91
M: PERATURAN MENEBAH HUTAN KERAJAAN NO. 3 TAHUN 1336H.	; : 92
N: PERATURAN BAGI MENGAMBIL HASIL TANAH (1340H)	95

SINOPSIS

Kajian tentang perubahan Pentadbiran di Terengganu antara tahun 1909 hingga 1939 ini ialah untuk melihat perubahan perubahan serta perkembangan dalam aspek pentadbiran di negeri itu dalam jangkamasa tersebut. Didapati dalam jangka masa ini banyak berlaku perubahan dalam struktur, organisasi dan puncak kekuasaan pentadbiran di negeri tersebut. Ini adalah kerana dalam jangka masa ini juga, pengaruh Inggeris atau British telah berjaya meresap dan memasuki dalam hal ehwal pentadbiran di Terengganu. Pada peringkat permulaan, peranan mereka hanya sedikit sahaja tetapi lama kelamaan pengaruh mereka telah bertambah dan akhirnya telah berjaya mengambil alih pentadbiran negeri itu secara langsung pada tahun 1920an.

Keseluruhan Latihan Ilmiah ini mempunyai lima bab semuanya. Pada permulaannya iaitu dalam bab pertama, akan membincangkan sedikit latarbelakang negeri Terengganu, dari segi sejarah, lokasi dan juga keadaan sosio ekonomi penduduk negeri itu secara ringkas.

Selepas itu dalam bab kedua, akan membincangkan keadaan struktur pentadbiran negeri Terengganu pada saat-saat akhir sebelum pihak British campurtangan. Ini termasuklah dari segi organisasi pentadbiran politik, pentadbiran tanah dan wilayah, undang-undang dan mahkamah serta bentuk atau sistem cukai yang wujud pada masa tersebut.

Seterusnya dalam bab ketiga pula, akan membicarakan perubahan dan perkembangan pentadbiran di masa permulaan

meresap atau masuk pengaruh Inggeris iaitu melalui sistem Agen British. Penulis akan cuba menggambarkan kaedah dan peristiwa-peristiwa bagaimana tindak tanduk British memperkenalkan dan memasukkan wakilnya untuk menjaga kepentingan mereka di Terengganu menerusi sistem agen British tersebut.

Di samping itu bab ini juga akan membincangkan beberapa bentuk perubahan dan kesan dari kehadiran pegawai Inggeris terhadap organisasi pentadbiran di negeri itu antara tahun 1910 hingga 1919.

Dalam bab ke empat pula, akan meninjau serta membincangkan zaman pentadbiran oleh Penasihat British atau 'British Adviser' di Terengganu iaitu dalam tahun 1919 hingga 1939. Pada permulaan bab ke empat ini, akan membincangkan peristiwa dan cara-cara pihak British memperkenalkan sistem Penasihat dalam tahun 1919, iaitu dengan memansuhkan sistem Agen British dan menggantikan dengan sistem Penasihat British, di mana dengan ini juga kuasa dan peranan mereka (British) dalam pentadbiran Terengganu telah bertambah.

Di samping itu bab ini juga akan meninjau tentang perubahan dan tindakan-tindakan berupa dasar-dasar baru yang telah diperkenalkan oleh Penasihat British tersebut. Oleh kerana tajuk ini adalah luas bidangnya kerana meliputi jangka masa kajian yang panjang iaitu hampir tiga puluh tahun, dan pentadbiran pula adalah satu perkara yang mencakupi aspek yang luas, maka tidaklah sempat untuk penulis membincangkan kesemua hal-hal yang berkaitan dengannya. Oleh sebab itu

hanya aspek-aspek utama dan dianggap penting sahaja yang mana terdapatnya perubahan ke atas dasar dan pelaksanaan akibat kemasukan British itu sahaja yang akan ditekankan. Di antara aspek-aspek tersebut ialah dari segi kuasa politik pentadbiran daerah atau wilayah, tanah dan juga undang-undang dan mahkamah.

Manakala dalam bab kelima merupakan bab terakhir dan penutup atau kesimpulan kepada keseluruhan kepada perbincangan dalam Latihan Ilmiah ini. Dalam bab ini, akan membincangkan tentang kesan-kesan atau implikasi yang timbul ke atas penduduk dan juga negeri Terengganu ekoran dari perubahan-perubahan yang dijalankan itu. Di samping itu bab ini juga akan mengutarakan pendapat dan penilaian serta kesimpulan dari fikiran penulis sendiri terhadap perubahan-perubahan yang dijalankan itu.